KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	25.02.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	TNB			

TNB sampaikan zakat perniagaan RM583,330.13 kepada MAIPs

KANGAR – Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyampaikan zakat perniagaan bernilai RM583,330.13 kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) di Kampung Pulau Ketam, Kuala Perlis di sini kelmarin.

Ketua Pegawai Global Business Solutions TNB, Ahmad Hushairi Ibrahim berkata, agihan zakat perniagaan tersebut merupakan hasil pendapatan syarikat bagi tahun 2021 bagi negeri Perlis.

"Agihan zakat perniagaan ini adalah amalan TNB setelah mengambil kira keuntungan bersih syarikat dan agihan zakat pendapatan dilakukan di setiap negeri di negara ini mengikut pengiraan tertentu.

"TNB juga mengamalkan dasar menyumbang semula kepada alam sekitar, penggunaan hijau bagi memastikan sumber asli tidak habis digunakan dan mematuhi kawalan integriti supaya organisasi ini terus mantap," ujarnya ketika ditemui di sini semalam.

Ahmad Hushairi menyerahkan replika cek sebagai simbolik serahan zakat perniagaan kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs, Mohd. Nazim Mohd. Noor.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil berkenan menyaksikan penyerahan replika cek berkenaan.



AHMAD HUSHAIRI (kiri) menyampaikan replika cek agihan zakat pendapatan TNB kepada Mohd. Nazim (kanan) sambil disaksikan Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (dua dari kiri) dan Tuanku Lailatul Shahreen Akashah (dua dari kanan) di Pulau Ketam , Kuala Perlis semalam.